

NOTIS TENDER

Suruhanjaya Tenaga berhasrat mempelawa syarikat yang berpengalaman, berkelayakan dan berdaftar di Malaysia bagi menyertai Tender berikut:

TAJUK DAN NO TENDER	SESI TAKLIMAT	TARIKH PEMBELIAN & EDARAN DOKUMEN TENDER	HARGA DOKUMEN TENDER	TARIKH/MASA TUTUP TENDER DAN LOKASI SERAHAN DOKUMEN
PERKHIDMATAN PAJAKAN KENDERAAN BERMOTOR SECARA KOMPREHENSIF UNTUK SURUHANJAYA TENAGA BAGI TEMPOH LIMA (5) TAHUN. No. Tender: ST/PRL/T/06/2026	Tarikh: 14 September 2026 (Isnin) Masa: 10.00 pagi Tempat: Suruhanjaya Tenaga No 12, Jalan Tun Hussein, Presint 2 62100 Putrajaya Kehadiran ke sesi taklimat adalah WAJIB Nota: Bagi syarikat yang berminat untuk menghadiri taklimat tender, sila kemukakan butiran syarikat dan wakil yang akan menghadiri melalui e-mel seperti yang dinyatakan di bawah.	Bermula 15 September 2026 (Selasa) Dalam waktu pejabat: 8.30 pagi hingga 5.00 petang.	1. Harga dokumen tender RM200.00 senaskah.	6 Oktober 2026 (Selasa) sebelum 12.00 tengahari di Suruhanjaya Tenaga No 12, Jalan Tun Hussein Presint 2, 62100 Putrajaya (Peti Tender)

Kriteria Mandatori Syarikat

- Syarikat berdaftar dan aktif dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM);
- Syarikat mempunyai modal berbayar berjumlah RM650,000.00 atau lebih;
- Syarikat mempunyai Sijil Pematuhan Cukai (*Tax Compliance Certificate*);
- Syarikat hendaklah mempunyai pengalaman melaksanakan sekurang-kurangnya dua (2) kontrak perkhidmatan penyewaan atau pajakan kenderaan bermotor secara komprehensif yang telah disiapkan dalam tempoh lima (5) tahun.
- Wakil syarikat WAJIB hadir ke sesi taklimat.

1. Syarat-syarat, arahan serta maklumat lanjut berkenaan pelawaan ini diperincikan di dalam Dokumen Tender yang boleh diperoleh daripada Seksyen Perolehan Berpusat melalui e-mel, bermula pada **15 September 2026**, dari jam **8.30 pagi hingga 5.00 petang**.

2. Syarikat yang berminat untuk menyertai tender ini hendaklah mengemukakan permohonan pembelian Dokumen Tender melalui e-mel dengan menyertakan dokumen sokongan berikut;

- Salinan Sijil Pendaftaran Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) yang lengkap (termasuk *summary of financial information*);
- Sijil Pematuhan Cukai (*Tax Compliance Certificate*);

Maklumat bank bagi tujuan pembayaran akan diberikan kepada syarikat melalui e-mel selepas permohonan disemak dan disahkan.

3. Segala kos yang berkaitan dengan penyertaan untuk tawaran tender ini adalah di bawah tanggungjawab syarikat pemohon. Bayaran bagi Dokumen Tender hendaklah dibuat secara dalam talian sahaja, dan resit pembayaran hendaklah dikemukakan melalui e-mel. Dokumen Tender akan dihantar dalam format PDF melalui e-mel setelah pengesahan bayaran diterima daripada Seksyen Kewangan, Suruhanjaya Tenaga.

4. **Sebarang pertanyaan, sila hubungi:**

- Afiq Anol di talian 03-88708659 / afiq@st.gov.my
- Nabeela Mohamad Pesal di talian 03-88708733 / nabeela@st.gov.my